

Jenis Akhbar : Berita Harian Online

Tarikh : 25/06/2024

Edisi / Muka Surat : <https://www.bharian.com.my/>

Tajuk : 'Banyak koperasi mikro yang baru ditubuhkan tidak lagi aktif' - Ewon

'Banyak koperasi mikro yang baru ditubuhkan tidak lagi aktif' - Ewon



KUCHING 25 JUN 2024. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick menghadiri Program Memasyarakatkan Koperasi (MASKOP) Dan Transformasi Digitalisasi Koperasi (DIGIKOP) bersama ANGKASA di Raia Hotel Convention Centre. STR/NADIM BOKHARI

KUCHING: Kira-kira 30 peratus daripada lebih 15,000 koperasi seluruh negara dikenal pasti tidak lagi aktif dalam aktiviti perniagaan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick berkata, antara punca koperasi itu gagal bergerak aktif kerana ramai ahlinya gagal dikesan.

Beliau berkata, sebahagian besar perkara itu berlaku kalangan koperasi mikro terutamanya yang baru ditubuhkan dalam tempoh dua hingga tahun lalu.

"Kita sedang meneliti semua koperasi yang tidak aktif itu dan menjadi tanggungjawab agensi di bawah kementerian seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) serta Institut Koperasi Malaysia (IKMa) untuk memberi latihan kepimpinan serta bantuan yang diperlukan kepada koperasi terbabit untuk membolehkan mereka aktif semula.

"Selain itu, menjadi tanggungjawab Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai badan induk gabungan koperasi untuk bersama-sama memastikan semua koperasi aktif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Program Memasyarakatkan Koperasi (MASKOP) serta Program Transformasi dan Digitalisasi (DigiKop) di sini, hari ini.

Ewon berkata, Kongres Koperasi Kebangsaan yang akan dianjurkan bulan depan antara platform terbaik bagi pemimpin dan ahli koperasi membincangkan isu itu.

"Kongres itu antara lain untuk menyemarakkan lagi semangat mengenai kepentingan koperasi termasuk pelbagai isu yang dihadapi gerakan koperasi.

"Saya berharap dalam kongres itu nanti perkara ini diberi perhatian untuk dibincangkan supaya kerajaan mendapat maklumbalas menerusi resolusi yang dipersetujui seterusnya mengambil langkah sewajarnya untuk menangani isu," katanya.

Beliau berkata, gerakan koperasi yang wujud di Malaysia sejak 1922 hingga kini mempunyai 15,809 koperasi berdaftar dengan jumlah keanggotaan melebihi 7.2 juta dan modal syer serta yuran yang dikumpulkan kink mencecah RM17.4 bilion dengan penjanaaan aset berjumlah RM165.9 bilion.

"Dari segi perolehan pula sudah mencecah RM64.6 bilion dan angka itu melepasi sasaran dasar yang ditetapkan oleh kementerian iaitu sebanyak RM60 bilion bagi tahun 2025," katanya.

Sementara itu, mengenai program DigiKop, beliau berkata, sejak ia diperkenalkan lebih dua tahun lalu, hanya 84 koperasi menggunakan perkhidmatan COOP.MY dalam aktiviti perniagaan mereka.

"Saya faham koperasi perlu membayar yuran untuk menggunakan perkhidmatan digital itu dan ia antara sebab banyak lagi koperasi belum melanggan.

"Kita akan terus mengadakan kempen kesedaran mengenai kepentingan pengadaptasian digital dan juga memberi saranan berterusan kepada koperasi agar beralih kepada digitalisasi dalam aktiviti perniagaan mereka," katanya.